
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

HGF121 – Geografi Fizikal

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan. Jawab sekurang-kurangnya **SATU** soalan bagi **SETIAP** bahagian.

Bahagian A

1. Bincangkan bagaimana sesetengah jenis sinaran matahari dianggap berfaedah dan berbahaya kepada hidupan.
[25 markah]
2. Huraikan Sistem Bumi-Atmosfera sebagai satu sistem yang sentiasa berada dalam keadaan berubah.
[25 markah]
3. Huraikan pembentukan fenomena "Hujan Asid" dan bincangkan bagaimana fenomena ini terbentuk dan juga bagaimana ia dapat dikurangkan.
[25 markah]

Bahagian B

4. Huraikan konsep kitaran batuan dan kaitkan dengan perkembangan dan pemusnahan plat benua dan plat lautan.
[25 markah]
5. [a] Jelaskan peranan air dan kelembapan dalam menentukan magnitud gerakan jisim.
[15 markah]
- [b] Huraikan dua jenis gerakan jisim yang lazim di Malaysia.
[10 markah]
6. [a] Huraikan bagaimana saiz partikel tanah yang diangkut oleh air mengalir berkait rapat dengan halaju air.
[15 markah]
- [b] Huraikan faktor-faktor lain yang mempengaruhi pengangkutan endapan di dalam sungai.
[10 markah]

Bahagian C

7. [a] Dengan menggunakan contoh yang sesuai, huraikan maksud evolusi penumpuan dan evolusi pencapahan.
[10 markah]
- [b] Bagaimanakah kedua-dua evolusi ini mempengaruhi kepelbagaian spesis?
[15 markah]
8. Huraikan bagaimana konsep biogeografi pulau dapat membantu dalam pemuliharaan kawasan persekitaran rizab.
[25 markah]